

SAJAK “KIJANG YANG LELAH”

4.0 ASPEK BAHASA

S.P 4.1.1 Memahami dan mengapresiasi karya puisi dengan memberikan respon peribadi sentang **maskud tersurat** dan **tersirat** dalam sesuatu puisi.

Nama / Tingkatan : /

Tarikh :

Aktiviti 1 : Padankan rangkap sajak mengikut maksud yang sesuai .

BIL	SAJAK	MAKSUD
1.	Suara nyaringnya tidak lagi gah bergema Ketika temulang kudratnya bergetar di tengah rimba Dia tidak lagi mampu menobat takhta Mengorak telapak di tanah menghijau	Kini, sang kijang berusaha menjadi ketua walaupun lelah dan tidak berdaya sementara mempunyai kesempatan pada sisa-sisa usianya.
2.	Saat itu Sebak menyentap dahan kalbu Dedaun resah mula berguguran Pepohon batin akhirnya tumbang Akarya menguncup di perdu harap.	Sang kijang berjalan berhati-hati bagi mengelakkan dirinya terkena jerat dan tersandung akar. Sang kijang tetap meneruskan perjalanannya ke dalam hutan walaupun kudratnya lemah. Sang kijang berazam akan meneruskan perjalanan walau terpaksa menempuhi pelbagai rintangan dan cabaran. Setiap cabaran yang dihadapinya akan diselesaikan dengan fikiran dan akal yang waras.
3.	Hari ini Dia cuba bangkit dengan kekuatan kaki Menghambat waktu yang bersisa Walau dalam jera lelah Seakan dibelenggu setiap inci jiwa raga.	Pada masa itu, sang kijang berasa sedih dan risau. Sang kijang yang uzur masih mempunyai harapan untuk menjadi ketua kembali.
4.	Bimbang tersandung akar dan jerat Sang kijang lebih berhati-hati menapak Meski dalam peribadi yang keruh Diredah belantara yang mula teduh Nun jauh di batas nuraninya Dia tetap menjinjing tekad dan tabah terus mengorak penuh berhemah dengan akal dan hati dia tidak lagi gundah menyusun gerak dan langkah.	Kehidupan kijang tua yang semakin hilang kekuasaan dan berasa dipinggirkan.

Aktiviti 2 : Nyatakan **TEMA** yang anda telah tonton didalam video Sajak Kijang Yang Lelah

--

Aktiviti 3 : Isi tempat kosong mengenai **Persoalan, Nilai** dan **Pengajaran**

PERSOALAN	NILAI	PENGAJARAN
Ketabahan hidup dalam meneruskan kehidupan		Kita hendaklah tabah menghadapi dugaan hidup
	Berhati-hati/ Berwaspada	
Kewarasan berfikir dalam menempuhi cabaran dan rintangan.	Berhamah tinggi	
		Kita hendaklah bersemangat tinggi untuk mengubah kehidupan yang lebih baik

Aktiviti 4 : Isi tempat kosong mengenai **Gaya Bahasa**

BIL	GAYA BAHASA	CONTOH
1.		<u>Dedaun resah</u> mula berguguran <u>Pepohon batin</u> akhirnya tumbang
2.		<i>Sebak menyentap dahan kalbu</i>
3.		Suara nyaringnya <u>tidak lagi</u> gah bergema Dia <u>tidak lagi</u> mampu menobat takhta
4.		Dire <u>d</u> ah be <u>l</u> antara yang mula te <u>d</u> uh
5.		Sang kijang lebi <u>h</u> ber <u>h</u> ati- <u>h</u> ati menapak
6.		Baris 1: aaab Baris 2: aabcd Baris 3: aabcd Baris 4: abccdeefee